

PM: Jangan jadikan isu politik

BN 17 OCT 1983

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, keharmonian dan keamanan negara akan terancam jika usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di negara ini dijadikan isu politik.

Kerajaan, tegas Perdana Menteri, tidak berniat memaksa orang bukan Islam memeluk Islam atau patuh kepada undang-undang keluarga Islam.

"Oleh itu, penerapan nilai-nilai Islam tidak akan menjejaskan mana-mana kebudayaan lain dan tidak akan menaja di satu tekanan kepada bukan Islam di negara ini atau menghancurkan nilai-nilai lain di negara ini," tegasnya.

Kata beliau, soal penerapan nilai Islam tidak patut dijadikan isu politik dalam parti atau di luar parti. "Saya khuatir jika usaha itu dijadikan isu politik, keharmonian dan keamanan negara akan terancam," ujar beliau.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata demikian kepada lebih 2,000 anggota MCA dan pemimpin-pemimpin parti anggota BN di

majlis perasmian Perhimpunan Agung ke-31 MCA di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan, cuma nilai Islam yang rata-rata sama dengan nilai kaum lain di Malaysia yang akan diserapkan oleh kerajaan.

Menurut beliau, Islam tidak menyuruh undang-undang Islam dipaksa supaya diterima oleh orang bukan Islam.

"Jika hari ini ada negara di dunia yang menguatkuasakan undang-undang Islam ke atas orang bukan Islam, ini bukanlah ajaran agama Islam, tetapi adalah kerana keangkuhan pemerintah yang sanggup membelakangkan ajaran Islam yang sebenar," jelasnya.

Harmoni

Kerajaan, tegas Perdana Menteri, tidak sanggup membelakangkan ajaran Islam dan mengenakan peraturan Islam ke atas bukan Islam.

Ini selaras dengan peruntukan dalam Perkara Tiga Perlembagaan Negara yang menyebut agama Islam adalah agama rasmi tetapi agama lain boleh diamalkan dalam aman dan harmoni di

mana-mana bahagian Pesekutuan, katanya.

Jika orang Islam mahu undang-undang Islam dikuatkuasakan ke atas mereka, ini adalah hak mereka. Mereka juga berhak membuat penilaian terhadap undang-undang Islam, tegasnya.

Beliau berkata, nilai-nilai Islam perlu dilaksanakan kerana ada trend tidak sihat dari Barat yang bertentangan dengan nilai Islam dan juga nilai-nilai sejagat, yang malangnya diterima oleh orang yang waras.

Katanya, di Eropah kini, orang berbogel pun boleh berjalan di tengah-tengah bandar, perempuan boleh kahwin perempuan, lelaki kahwin lelaki dan bersekedudukan diterima sebagai perkara biasa.

"Hormat-menghormati antara manusia sesama manusia atau pengikut dengan pemimpin tidak diberi keutamaan, janji ti-

dad lagi dianggap penting dalam masyarakat Barat."

Perdana Menteri berkata, Islam tidak dapat menerima nilai-nilai seperti itu dan beliau yakin semua orang yang waras dari apa juga agama tidak boleh menerima keruntuhan akhlak seperti ini.

"Nilai yang boleh kita terima ialah nilai kebudayaan Timur yang juga nilai universal yang asli dan hampir semua nilai ini adalah sama dengan nilai-nilai Islam," ujarnya.

Beliau memberi jaminan, tidak ada hak sesiapa yang disentuh dan jika wanita Cina hendak pakai cheongsam tidak ada tegahan, tetapi kalau hendak berbogel di jalan, "Saya fikir orang Cina pun tak boleh terima."